



24 JUN, 2020

## Sarawak catat sifar kes positif Covid-19

Utusan Sarawak, Malaysia



## Sarawak catat sifar kes positif Covid-19

**ZARINA ABDULLAH**

**KUCHING:** Sarawak tidak merekodkan sebarang kes positif semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 negeri kekal sebanyak 569 kes setakat semalam.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata, semalam juga tiada kes baharu yang telah sembuh dan discaj ke hospital.

"Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak 535 orang atau 94.02 peratus.

"Sebanyak 17 orang masih menerima rawatan di wad isolasi hospital dengan jumlah kematian kekal 17 orang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, katanya, sebanyak 20 orang yang disyaki (PUI) bahu-ru dilaporkan dan empat kes masih menunggu ujian makmal.

"Mengenai pemantauan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun hingga 31 Ogos, sebanyak 2,026 premis telah dipantau iaitu pasar raya (199), restoran (461), kilang (14), bank (160) dan pejabat kerajaan (76).

"Selain itu, 44 di pusat penjaja, pasar tani dan awam (121), tempat ibadah (92), tempat riadah (57), tapak pembinaan (18) dan lain-lain (784).

"Seramai 628 pasukan pematuhan PKPP yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (308), Angkatan Tentera Malaysia (49), RELA (127), Anggota Pertahanan Awam (90), Pihak Berkuasa Tempatan (51) dan agensi lain," jelasnya.

Tambahnya, semalam seramai 62 orang di bawah pemerhatian (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di 14 hotel adalah seramai 961 orang.

"Manakala, seramai 16,538 PUS telah tamat menjalani tempoh kuarantin," katanya lagi.

**INFOGRAFIK** laporan harian Covid-19, semalam.



24 JUN, 2020

## Sarawak catat sifar kes positif Covid-19

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Sarawak tidak merekodkan sebarang kes positif semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 negeri kekal sebanyak 569 kes setakat semalam. Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) berkata, semalam juga tiada kes baharu yang telah sembuh dan discaj dari hospital. "Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak 535 orang atau 94.02 peratus.